

# **TERMA & SYARAT PERTANDINGAN**

FESTIVAL FILEM USIM (FIKRA) 2026

A.	MAKLUMAT PERTANDINGAN
1.	<p><b>Festival Filem USIM (FIKRA) 2026</b> merupakan sebuah program yang bertujuan memperkasa kreativiti mahasiswa dalam menyampaikan nilai-nilai murni melalui karya visual sinematik.</p>
2.	<p>FIKRA 2026 mempertandingkan <b>dua (2) kategori utama</b> iaitu <b>Filem Pendek</b> dan <b>Video Pesanan Khidmat Masyarakat (Public Service Announcement – PSA)</b> sebagai pengisian utama yang memberi ruang kepada mahasiswa untuk menzahirkan idea, mesej serta pandangan mereka secara kreatif melalui medium filem</p>
3.	<p>Program ini dianjurkan oleh <b>Pusat Komunikasi Strategik (StraComm), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)</b> dengan kerjasama <b>Kelab Media dan Komunikasi Strategik (StraComm Clique), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)</b> serta <b>Persatuan Mahasiswa Fakulti (PMF)</b>. Penganjuran festival ini melibatkan penyertaan daripada mahasiswa dan alumni USIM yang berminat dalam bidang penerbitan filem dan produksi media.</p>
4.	<p><b>FIKRA 2026 akan dilaksanakan secara hibrid</b> melalui dua (2) kaedah berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>I. <b>Secara dalam talian</b> bagi tujuan pendaftaran penyertaan, taklimat pertandingan, sesi pembentangan idea (pitching) serta penghantaran karya dan poster.</li> <li>II. <b>Secara fizikal</b> bagi acara rasmi yang akan diadakan di <b>Dewan Kuliah Pusat (DKP), USIM</b> pada: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>30 Jun 2026 – 2 Julai 2026</b> – Hari Tayangan Filem</li> <li>• <b>3 Julai 2026</b> – Malam Anugerah FIKRA 2026</li> </ul> </li> </ol>

<b>B.</b>	<b>TEMA PERTANDINGAN</b>
1.	<p>Tema FIKRA 2026 ialah “<b>Inspirasi</b>”, yang memberi ruang kepada peserta menghasilkan karya yang menyampaikan mesej positif, membangkitkan semangat serta memberi inspirasi kepada masyarakat melalui penceritaan kreatif dalam bentuk filem pendek atau video pesanan khidmat masyarakat (PSA).</p> <p>Peserta bebas mentafsirkan tema ini secara kreatif selagi karya yang dihasilkan selari dengan nilai-nilai murni dan mesej yang membina.</p>
<b>C.</b>	<b>KELAYAKAN PERTANDINGAN</b>
1.	<p>Penyertaan pertandingan ini terbuka kepada <b>semua pelajar aktif dan alumni Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)</b>.</p>
<b>D.</b>	<b>TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN</b>
1.	<p>Penyertaan adalah terbuka kepada semua <b>Fakulti, Pusat Tamhidi serta Kolej Permata Insan (KPI)</b> di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).</p>
2.	<p>Setiap Fakulti, Pusat Tamhidi dan KPI boleh menghantar <b>lebih daripada satu (1) penyertaan</b>.</p>
3.	<p>Setiap penyertaan hendaklah secara berkumpulan dan <b>tidak melebihi sepuluh (10) orang ahli dalam pasukan produksi</b> (tidak termasuk pelakon).</p>
4.	<p>Pasukan produksi hendaklah terdiri daripada <b>pelajar dan alumni daripada Fakulti atau Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing</b>.</p>

5.	<p>Karya yang dihasilkan hendaklah menepati durasi yang ditetapkan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Kategori Filem Pendek (Short Film)</b> Durasi antara <b>enam (6) hingga sepuluh (10) minit</b>, termasuk kredit pembukaan dan penutup.</li> <li>• <b>Kategori Video Pesanan Khidmat Masyarakat (PSA)</b> Durasi <b>tidak melebihi tiga (3) minit</b>, termasuk kredit pembukaan dan penutup.</li> </ul>
6.	<p><b>Pelakon</b> yang terlibat dalam karya boleh terdiri daripada <b>pelajar fakulti, alumni, warga USIM atau individu luar</b>, tertakluk kepada kesesuaian jalan cerita dan keperluan produksi.</p>
7.	<p>Segala kos pra-produksi, produksi serta pasca-produksi adalah <b>di bawah tanggungan peserta sendiri</b>. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kos produksi atau kerugian yang ditanggung oleh peserta.</p>
8.	<p><b>Yuran penyertaan bagi setiap pasukan ialah RM100.00</b> bagi menampung <b>kos makan dan minum</b> peserta sepanjang program berlangsung</p>
<b>E.</b>	<b>PENGHANTARAN PENYERTAAN</b>
1.	<p>Setiap pasukan perlu membuat pendaftaran melalui <b>Borang Penyertaan FIKRA 2026</b> di pautan berikut <a href="https://forms.gle/q4ruar2DzmxkbP587">https://forms.gle/q4ruar2DzmxkbP587</a></p>

2.	<p>Pendaftaran hendaklah dibuat dengan melengkapkan maklumat pasukan, kategori penyertaan, maklumat ketua kumpulan serta maklumat penasihat fakulti sebelum <b>tarikh tutup penyertaan pada 3 April 2026.</b></p>
3.	<p>Setiap pasukan perlu menamakan <b>Penasihat Fakulti</b> yang terdiri daripada <b>Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), pensyarah, guru atau staf</b> di Fakulti atau PTj masing-masing.</p>
4.	<p>Pihak penganjur akan mengesahkan penyertaan setiap pasukan melalui <b>Persatuan Mahasiswa Fakulti (PMF)</b> bagi mendapatkan kelulusan daripada <b>Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)</b> Fakulti atau PTj masing-masing.</p>
5.	<p>Setiap pasukan perlu <b>menghantar dokumen produksi</b> mengikut garis masa yang ditetapkan oleh pihak penganjur (rujuk Bahagian K).</p>

<b>F.</b>	<b>HAK CIPTA DAN PENGGUNAAN KARYA</b>
1.	<p>Peserta hendaklah memastikan setiap karya yang dihantar mematuhi ketetapan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>I. Karya mestilah <b>hasil karya asli peserta</b> dan tidak pernah dipertandingkan di mana-mana pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.</li> <li>II. Penggunaan <b>Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence – AI)</b> dibenarkan namun <b>tidak boleh melebihi satu (1) minit daripada keseluruhan durasi karya.</b></li> <li>III. Penggunaan AI hendaklah <b>dinyatakan secara jelas dalam kredit akhir video.</b></li> <li>IV. Penyertaan yang didapati <b>bukan karya asli atau meniru karya pihak lain</b> akan dibatalkan serta-merta.</li> <li>V. Sekiranya didapati karya yang dipertandingkan <b>tidak asli atau diciplak</b>, kemenangan peserta akan dibatalkan dan hadiah yang diterima akan ditarik balik.</li> <li>VI. Karya yang dihantar akan menjadi <b>hak milik penganjur bagi tujuan pemasaran.</b></li> <li>VII. Pihak penganjur berhak <b>menyiarkan karya tersebut di platform rasmi seperti YouTube USIMTV dan MyTV Mana Mana.</b></li> </ol>
<b>G.</b>	<b>KANDUNGAN &amp; ETIKA</b>
1.	<p>Setiap karya hendaklah mematuhi garis panduan kandungan dan etika berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>I. Karya tidak boleh mengandungi unsur <b>lucah, tidak sopan, keganasan melampau atau penghinaan terhadap agama, kaum dan budaya.</b></li> <li>II. Kandungan karya tidak boleh menyentuh <b>isu sensitif yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat</b>, termasuk unsur politik semasa.</li> <li>III. Paparan <b>aksi keganasan atau penggunaan senjata tajam secara melampau</b> adalah tidak dibenarkan.</li> <li>IV. Semua bahan seperti <b>muzik, visual dan grafik</b> hendaklah tidak melanggar hak cipta mana-mana pihak.</li> <li>V. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap <b>kandungan filem yang dihantar.</b></li> <li>VI. Karya hendaklah <b>mematuhi nilai dan prinsip syariat Islam</b>, selaras dengan identiti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).</li> </ol>

2.	Tajuk video hendaklah menggunakan <b>Bahasa Melayu, Bahasa Arab atau Bahasa Inggeris sahaja.</b>
3.	Video hendaklah menggunakan <b>Bahasa Melayu sebagai bahasa utama.</b> Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab boleh digunakan sebagai bahasa tambahan dengan sarikata yang sesuai.
<b>H.</b>	<b>SPEKIFIKASI TEKNIKAL</b>
1.	<p>Setiap karya yang dihantar hendaklah memenuhi spesifikasi berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>I. Format video: <b>MP4 atau MOV</b></li> <li>II. Resolusi minimum: <b>Full HD (1920 × 1080)</b></li> <li>III. Nisbah aspek: <b>16:9 (format landskap)</b></li> <li>IV. Kualiti audio mestilah <b>jelas dan berkualiti tinggi</b></li> <li>V. Video hendaklah menggunakan <b>pencahayaan yang sesuai dan jelas</b></li> <li>VI. Nama fail video hendaklah mengikut format berikut: <p style="text-align: center;"><b>NamaFakulti_TajukFilem_FIKRA2026.mp4</b></p> <p style="text-align: center;">Contoh: FPQS_CahayaInspirasi_FIKRA2026.mp4</p> </li> </ol>
2.	Penghantaran video hendaklah dibuat melalui <b>pautan Google Drive</b> sebelum tarikh tutup yang ditetapkan.
3.	Pasukan yang berjaya ke peringkat akhir <b>diwajibkan menghadiri Hari Tayangan Filem dan Malam Anugerah FIKRA 2026.</b>

<b>I.</b>	<b>KRITERIA PENJURIAN DAN PEMARKAHAN</b>
1.	<p>Setiap karya akan dinilai berdasarkan <b>lima (5) kriteria</b> berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>I. <b>Idea dan Keaslian Karya (25%)</b> Menilai keunikan idea, kreativiti penceritaan serta keaslian konsep karya.</li> <li>II. <b>Jalan Cerita dan Penyampaian Mesej (20%)</b> Menilai kekuatan naratif serta kejelasan mesej selaras dengan tema pertandingan.</li> <li>III. <b>Kualiti Lakonan (20%)</b> Menilai keupayaan pelakon menghidupkan watak serta ekspresi emosi.</li> <li>IV. <b>Teknikal Produksi (20%)</b> Menilai aspek sinematografi, suntingan video, pencahayaan, audio serta keseluruhan kualiti produksi.</li> <li>V. <b>Impak Keseluruhan Karya (15%)</b></li> <li>VI. Menilai kesan karya terhadap penonton dari segi emosi dan keberkesanan penyampaian mesej.</li> </ol>
<b>K.</b>	<b>HAK PENGANJUR</b>
1.	Pihak penganjur berhak menayangkan filem terpilih bagi tujuan promosi dan tayangan festival.
2.	Penganjur berhak menggunakan bahan promosi seperti poster, trailer dan gambar untuk tujuan publisiti tanpa bayaran tambahan.
3.	Sebarang pindaan syarat adalah tertakluk kepada budi bicara pihak penganjur.
4.	Keputusan juri adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.

J.	GARIS MASA PERTANDINGAN	
1.	Garis masa pertandingan Festival Filem USIM 2026 (FIKRA 2026) adalah seperti berikut:	
	AKTIVITI	TARIKH
	Pembukaan Penyertaan	<b>12 Mac 2026</b>
	Tarikh Tutup Penyertaan	<b>3 April 2026</b>
	Penghantaran <i>Pitch Deck</i> & Sesi Pembentangan Idea ( <i>Pitching</i> )	<b>20 April 2026</b>
	Penghantaran Karya dan Poster	<b>15 Jun 2026</b>
	Penghantaran Video Teaser	<b>23 Jun 2026</b>
	Hari Tayangan Filem	<b>30 Jun – 2 Julai 2026</b>
Malam Anugerah FIKRA	<b>3 Julai 2026</b>	

\*Sebarang perubahan tertakluk kepada pihak penganjur.

Kemaskini pada 12/3/2026